

**EDISI 2023**

# **Buletin FKA**

**Pengajian Kejuruteraan Awam**

**Universiti Teknologi MARA Cawangan Pulau Pinang**



جامعة  
الهندسة  
والتكنولوجيا  
**UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA**

eISSN 2716-6325



9 772716 632004

---

## PROGRAM JELAJAH KASIH P'CES

*Ts Fairus Azwan Azizan dan Ts Zanariah Abd Rahman*

Pada 2 Disember 2023 yang lalu, telah berlangsungnya satu program khidmat masyarakat CORPORATE SOCIAL RESPONSIBILITY (CSR) di Maahad Tahfiz Akademi Al-Quran As-Syamil (AQSA), Taman Sejahtera, Bukit Mertajam, Pulau Pinang. Program ini melibatkan pelajar ahli kelab Penang Civil Engineering Student's Society (P'CES) PPKA UiTM cawangan Pulau Pinang, kakitangan syarikat THB Maintenance Sdn. Bhd. dan juga staf dan pelajar Maahad Tahfiz Akademi Al-Quran As-Syamil (AQSA). Seramai 36 orang ahli kelab P'CES dan juga 15 orang kakitangan pihak syarikat THB Maintenance Sdn. Bhd. terlibat dalam program ini, dengan menjadikan jumlah keseluruhan adalah 90 peserta.

Program ini dianjurkan bertujuan untuk membantu membersihkan kawasan sekitar pusat tersebut disamping mengecat bahagian luaran bangunan. Selain itu program ini juga adalah untuk memberi sumbangan barang keperluan dapur kepada pihak pusat tahniz AQSA ini. Program ini juga telah mendapat sokongan kewangan dari pihak Hal Ehwal Pelajar (HEP) UiTM cawangan Pulau Pinang dan juga Syarikat THB Maintenance Sdn. Bhd. untuk membeli peralatan gotong royong dan alatan mengecat bangunan.



Para peserta yang terlibat dalam Program Jelajah Kasih 2023



### **Majlis serahan sumbangan Syarikat THB Maintenance Sdn. Bhd kepada pusat tahliz AQSA**

Aktiviti pembersihan Kawasan ini bermula seawal jam 8.00 pagi dengan majlis pembukaan ringkas termasuk taklimat awal dan pembahagian kumpulan bagi sesi pembersihan dan gotong royong. Aktiviti ini selesai sekitar jam 1.00 petang dan kesemua peserta solat zohor secara berjemaah di dewan solat dan makan tengahari.

Sesi beramah mesra ahli P'CES dengan pelajar-pelajar AQSA juga berlangsung dengan perkongsian ilmu pengetahuan berkaitan kejuruteraan awam. Majlis penutup diadakan sekitar jam 3.00 petang dengan ucapan dari pengetua AQSA, wakil P'CES dan THB Maintenance disusuli dengan persembahan qasidah dari pelajar AQSA. Aktiviti terakhir adalah sesi pemberian sumbangan barang keperluan dapur kepada pihak AQSA seperti beras, bihun, telur, susu, kicap, sos, gula dan sebagainya. Sumbangan ini telah disumbangkan oleh pihak Syarikat THB Maintenance Sdn. Bhd. dan sumbangan telah disampaikan kepada pengetua pusat tahliz AQSA ini.

Program ini tamat pada jam 4.00 petang dan perlaksanaan program ini memberi kesan mendalam kepada semua peserta. Jutaan terima kasih kepada semua peserta yang terlibat, sokongan dan kelulusan daripada pihak HEP UiTM cawangan Pulau Pinang dan juga dari pihak Syarikat THB Maintenance Sdn. Bhd. yang menyediakan keperluan peralatan dan sumbangan kepada pihak pusat tahliz AQSA.



### **Aktiviti gotong royong dan mengecat luar bangunan AQSA**